

Arahan Dan Panduan Pendaftaran Calon SKBMW

ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN CALON SIJIL KECEKAPAN BAHASA MELAYU BAGI WARGANEGARA ASING (SKBMW) TAHUN 2021

1. SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN SKBMW

Pelajar dan pekerja warganegara asing di institut pendidikan tinggi serta pekerja dan pemastautin warganegara asing di Malaysia yang sekurang-kurangnya telah berada di Malaysia **selama 1 tahun**.

2. TEMPOH SAH LAKU SIJIL SKBMW

Tiada

3. KERTAS UJIAN SKBMW

Empat kertas ujian yang ditawarkan adalah seperti yang berikut:

Kod kertas	Nama kertas	Tempoh masa
600/1	Kemahiran Menulis	90 minit
600/2	Kemahiran Membaca	60 minit
600/3	Kemahiran Mendengar	30 minit
600/4	Kemahiran Bertutur	10 minit

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Peraturan Am, Sukatan Peperiksaan, Skala Tahap Kecekapan, Format Ujian, dan Soalan Contoh** yang dapat diperolehi melalui Portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) <http://www.mpm.edu.my> dalam slot SKBMW.

4. BAYARAN MENDUDUKI UJIAN SKBMW

a. Bayaran menduduki ujian SKBMW pada kali pertama adalah seperti yang berikut:

BAYARAN	RM
Yuran asas	60.00
Yuran kertas 600/1 Kemahiran Menulis	30.00
Yuran kertas 600/2 Kemahiran Membaca	30.00
Yuran kertas 600/3 Kemahiran Mendengar	30.00
Yuran kertas 600/4 Kemahiran Bertutur	30.00
Kit Pembelajaran SKBMW	20.00
Jumlah	200.00

b. Kit Pembelajaran SKBMW akandihantar kepada calon secara pos

c. Calon diwajibkan mengambil keempat-empat kertas ujian bagi kali pertama.

d. Calon boleh memperbaiki keputusan ujian bagi mana-mana kertas dengan menduduki kertas ulangan. Bayaran kertas ulangan adalah seperti yang berikut:

BAYARAN	RM
Yuran asas	60.00
Yuran bagi setiap kertas yang diulang	30.00

e. Bayaran perlu dibuat secara dalam talian (*online*) di bahagian kaedah pembayaran sebaik sahaja calon mengisi maklumat peperiksaan dan

maklumat diri calon. Calon perlu memilih kaedah pembayaran secara perbankan internet atau kad kredit.

- f. Calon boleh mencetak slip pendaftaran ujian SKBMW sebaik sahaja pembayaran yuran secara *online* diterima oleh MPM.

5. CARA PENDAFTARAN CALON SKBMW

1. Calon institusi

- a. Pendaftaran calon institusi adalah secara dalam talian(*online*) melalui portal MPM dalam slot SKBMW. Calon boleh mencetak slip SKBMW/PP sebagai bukti pendaftaran.
- b. Institusi hendaklah memaklumkan kepada MPM nama pegawai yang bertanggungjawab mengurus SKBMW.
- c. MPM akan memberikan taklimat kaedah pendaftaran calon kepada semua pegawai institusi yang bertanggungjawab mengurus SKBMW.
- d. Pihak institusi boleh mendapatkan maklumat pendaftaran calon melalui portal MPM dipautan <http://www.mpm.edu.my>.
- e. Pegawai institusi yang bertanggungjawab mengurus SKBMW dikehendaki mengurus pendaftaran calon dengan mengambil tindakan yang berikut:
 - i. Mengisi maklumat calon yang ingin menduduki SKBMW.
 - ii. Mengenal pasti calon orang kurang upaya (OKU) dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota spastik, pendengaran, sengau, pertuturan atau ketidakupayaan yang lain dan mendaftarkannya bersama-sama calon lain. **Pemakluman** tentang calon OKU adalah seperti pada **para 6 CALON ORANG KURANG UPAYA (OKU)**.
 - iii. Menyemak dan memastikan slip SKBMW/D bagi calon dicetak oleh calon sebagai tiket untuk menduduki ujian.
 - iv. Memaklumkan maklumat calon yang tercicir kepada MPM dengan kadar **SEGERA**, jika ada calon yang telah didaftarkan tiada dalam semakan SKBMW/D.
 - v. Mematuhi tarikh akhir pendaftaran dan penghantaran maklumat pendaftaran/bahan/dokumen pendaftaran yang berkaitan seperti yang telah ditetapkan oleh MPM

2. Calon Persendirian Individu

- a. Pendaftaran calon persendirian individu dibuat secara dalam talian (*online*) melalui portal MPM dipautan <http://www.mpm.edu.my>
- b. Calon boleh mendapatkan maklumat tentang pendaftaran SKBMW melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
- c. Calon boleh memilih pusat ujian yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran secara dalam talian, tetapi kelulusan adalah tertakluk kepada MPM. MPM berhak memindahkan calon ke pusat lain selain daripada pusat yang telah dipilih.
- d. Pemakluman tentang calon orang kurang upaya (OKU) dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota spastik, pendengaran, sengau, pertuturan atau ketidakupayaan yang lain adalah seperti pada **para 6 CALON ORANG KURANG UPAYA (OKU)**.

6. CALON ORANG KURANG UPAYA (OKU)

- a. Calon OKU dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekak), pertuturan (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan kepada MPM **selewat-lewatnya pada 6 Oktober 2021**.
- b. Maklumat tentang jenis ketidakupayaan calon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam borang **SKBMW/C5** atau **SKBMW/C6** (mana-mana yang berkenaan). Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan pegawai yang bertanggungjawab mengurus SKBMW di institusi (jika calon institusi). **Kemudahan yang boleh diberikan kepada calon OKU hanya akan dipertimbang jika borang SKBMW/C5 atau SKBMW/C6 (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM.**
- c. Borang SKBMW/C5 atau SKBMW/C6 dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM dipautan www.mpm.edu.my.

7. PENYATA PENDAFTARAN CALON SKBMW (SKBMW/PP)

- a. Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui penyata pendaftaran SKBMW(SKBMW/PP). Bagi calon institusi, jika terdapat sebarang pindaan pada nombor pasport atau ejaan nama, calon dikehendak mengemukakan permohonan pindaan kepada pegawai yang mengurus SKBMW untuk dikemaskinikan. Pihak institusi dan calon persendirian individu hendaklah **mencetak dan menyimpan SKBMW/PP** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. **Pendaftaran SKBMW masih belum lengkap/tidak berjaya sekiranya SKBMW/PP gagal dicetak/disimpan.**
- b. Calon persendirian individu perlu mengemaskinikan butiran pendaftaran sendiri secara dalam talian tetapi pengemaskinian tersebut hanya dihadkan sebanyak **dua kali** sahaja sepanjang tempoh pendaftaran dibuka.
- c. Pengemaskinian maklumat pendaftaran secara dalam talian hanya boleh dilakukan sepanjang tempoh pendaftaran dibuka sahaja. Selepas tarikh tutup pendaftaran, pegawai yang mengurus SKBMW di institusi dan calon persendirian perlu memohon pindaan maklumat secara manual dengan mengemukakan Borang Pindaan Maklumat Calon (SKBMW/C9) kepada MPM dengan menyertakan salinan muka depan pasport dan SKBMW/PP yang silap. Tiada caj tambahan dikenakan jika dikemaskinikan sebelum **18 Oktober 2021**. Pindaan maklumat ini akan dilakukan pada SKBMW/D kelak.
- d. Borang SKBMW/C9 dapat dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my>.

8. TARIKH PENDAFTARAN DAN TARIKH UJIAN SKBMW

Maklumat tentang tarikh pendaftaran dan tarikh ujian terdapat pada Jadual Waktu Ujian di portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my>.

9. ANGKA GILIRAN CALON DAN PUSAT UJIAN SKBMW

- a. Angka giliran calon ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon akan dicetak pada Slip Daftar SKBMW (SKBMW/D).
- b. MPM juga boleh mengumpulkan calon institusi di pusat lain jika difikirkan bilangan calon di institusi tersebut tidak ekonomik dari segi pengendalian ujian. Namun demikian, pertimbangan ini perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kedudukan geografi/lokasi dan latar belakang calon di institusi

tersebut. Namun demikian, perbincangan perundingan dengan pegawai yang bertanggungjawab terhadap SKBMW di institusi yang berkenaan perlu dibuat sebelum tindakan ini diambil.

10. SLIP DAFTAR SKBMW (SKBMW/D)

- a. Calon boleh mencetak slip pendaftaran ujian SKBMW sebaik sahaja pembayaran yuran secara dalam talian diterima oleh MPM. Jika calon tidak dapat mencetak SKBMW/D, sila hubungi terus Majlis Peperiksaan Malaysia dengan kadar **SEGERA**. Bagi calon institusi, pegawai yang mengurus SKBMW perlumenghubungi MPM.
- b. Calon perlu mencetak **SKBMW/D** sendiri dan membawanya ke pusat ujian pada hari ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian.
- c. Calon dikehendaki menyemak maklumat **SKBMW/D** bagi memastikan semua maklumat adalah betul. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat, sila lengkapkan **Borang Pindaan Maklumat Calon (SKBMW/C9)** dan hantarkan ke MPM dengan kadar **segera**. Permohonan yang dihantar **selepas 18 Oktober 2021** akan dikenakan caj tambahan sebanyak **RM50.00**.
- d. Calon hendaklah memastikan bahawa ejaan nama dan nombor pasport yang betul tertera pada **SKBMW/D**. Calon hendaklah menggunakan nombor pasport yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas ujian kelak dan akan menyusahkan calon sendiri.
- e. Calon juga perlu menyemak angka giliran, pusat menduduki ujian, tarikh, dan waktu ujian.

11. PINDAAN MAKLUMAT CALON SKBMW

- a. Calon hendaklah menyemak maklumat pendaftaran secara dalam talian bagi memastikan semua maklumat adalah betul. Sekiranya terdapat maklumat yang silap, calon boleh mengemaskinikan maklumat tersebut secara dalam talian sebelum 18 Oktober 2021 dengan melengkapkan **Borang Pindaan Maklumat Calon (SKBMW/C9)** dan menghantarnya kepada MPM dengan kadar **segera**. Borang tersebut boleh dicetak daripada portal MPM.
- b. Bagi calon institusi, sekiranya calon gagal mengemaskinikan maklumat tersebut dalam tempoh pendaftaran dibuka, maka calon hendaklah melengkapkan **Borang Pindaan Maklumat Calon (SKBMW/C9)** yang boleh dicetak daripada portal MPM dan menghantarnya ke MPM [u.p.: **Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi)**].
- c. Permohonan pindaan maklumat yang diterima selepas **18 Oktober 2021** akan dikenakan caj tambahan sebanyak **RM50.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia. SKBMW/D dengan maklumat yang silap adalah sah dan boleh digunakan untuk menduduki SKBMW**. Pindaan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas di pusat ujian untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan (BRP) ujian. Pindaan hanya akan dibuat pada Sijil SKBMW yang akan dikeluarkan kelak. Sekiranya kesilapan maklumat adalah berpunca dari calon, maka caj tambahan **RM50.00** akan dikenakan kepada calon bagi tujuan pembetulan maklumat. Bayaran tersebut dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Calon perlu mengisi **Borang Pindaan Maklumat Calon (SKBMW/C9)** bagi tujuan tersebut.

- d. Calon hendaklah menggunakan nombor pasport yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menambahkan salah faham dengan Pengawas ujian kelak dan akan menyusahkan calon sendiri.
- e. Bagi permohonan pindaan maklumat selepas Keputusan SKBMW diumumkan/Sijil SKBMW dicetak, calon perlu memohon salinan sijil SKBMW dengan mengemukakan **Borang Permohonan Salinan Sijil SKBMW (SKBMW/S2)** dengan bayaran **sebanyak RM50.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysiaserta** melengkapkan borang SKBMW/C9. Sijil SKBMW yang ada kesilapan maklumat itu hendaklah dihantar/diposkan kepada MPM.
- f. Borang SKBMW/S2 boleh dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my>.

12. PERPINDAHAN PUSAT UJIAN SKBMW

- a. Perpindahan dari satu pusat ke satu pusat ujian yang lain hanya akan dibenarkan jika alasan yang dikemukakan oleh calon adalah **munasabah** dengan disertakan **bukti** yang berkenaan untuk menyokong permohonan. Permohonan untuk berpindah pusat ujian dalam bandar yang sama **tidak dibenarkan**. Pemohon hendaklah melengkap borang **Perpindahan Pusat Ujian (SKBMW/C2)** yang boleh dicetak daripada portal MPM. Permohonan hendaklah dihantar ke MPM [u.p.: **Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi)**]. Borang SKBMW/C2 dapat diperolehi dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
- b. Bayaran perpindahan pusat ujian ialah **RM50.00** dan dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Bayaran akan dikembalikan jika permohonan **tidak diluluskan**.
- c. Tarikh tutup permohonan perpindahan pusat ujian ialah pada **18 Oktober 2021**. Status permohonan perpindahan pusat ujian boleh disemak di portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my> .

13. PENARIKAN DIRI

- a. Calon yang menarik diri daripada menduduki SKBMW dikehendaki mengisi **Borang Calon Menarik Diri (SKBMW/C4)** yang boleh dicetak daripada portal MPM. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke MPM bersama dengan surat buktinya sekali sebelum calon menduduki kertas ujian SKBMW. Borang SKBMW/C4 boleh dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my> .
- b. Calon yang menarik diri daripada menduduki ujian **tidak akan dikembalikan yuran ujian kecuali** calon yang **sakit berpanjangan** (surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah dikemukakan) atau calon yang **meninggal dunia** (salinan surat Perakuan Kematian oleh warisnya).
- c. Pada dasarnya, calon yang memohon menanggung menduduki ujian adalah tidak akan dilayan. Bagi calon institusi, pihak institusi boleh menasihati calon untuk mengemukakan rayuan kepada MPM [u.p. **Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi)**] untuk tindakan selanjutnya.

13. KEPUTUSAN SKBMW

Calon boleh menyemak keputusan ujian melalui portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my> atau melalui SMS dengan menaip **SKBMW<jarak>KEPUTUSAN<jarak>Nombor pasport dan hantar ke 15888**. Sijil ujian SKBMW bagi calon institusi akan dihantar kepada pegawai yang mengurus SKBMW di institusi berkenaan, manakala bagi calon persendirian individu, sijil ujian akan dihantar kepada calon melalui pos.

14. RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN SKBMW

Calon boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan ujian SKBMW. Caj bagi rayuan menyemak semula keputusan ujian SKBMW ialah RM50.00 per komponen. Tarikh tutup rayuan penyemakan semula ini ialah 3 minggu selepas tarikh Penyata Keputusan ujian SKBMW diumumkan. Pemohon hendaklah melengkapkan Borang Permohonan Rayuan Penyemakan Semula Keputusan (SKBMW/PS1) yang boleh dicetak daripada portal MPM dan hendaklah dihantar ke MPM [u.p. **Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi)**]. Maklumat lanjut tentang rayuan penyemakan semula keputusan ujian SKBMW dapat diperoleh melalui portal MPM di portal <http://www.mpm.edu.my>.

15. KEHILANGAN SIJIL SKBMW

- a. Calon yang kehilangan sijil SKBMW boleh memohon untuk mendapatkan **Salinan Sijil SKBMW**.
- b. Salinan Sijil SKBMW ialah **salinan kepada Sijil SKBMW yang asal**. Calon perlu melengkapkan borang **Permohonan Salinan Sijil SKBMW (SKBMW/S2)** dan menghantarnya ke MPM bersama-sama dengan bayaran sebanyak **RM50.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Borang SKBMW/S2 dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my>.
- c. Salinan Sijil SKBMW akan dipos kepada calon **seminggu selepas permohonan yang lengkap diterima di MPM**.